

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI

SOALAN : NO. 11

YB Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang membina sistem pengangkutan awam seperti LRT dilaksanakan untuk keperluan jangka panjang memandangkan kesesakan jalanraya semakin kronik di greater Kota Kinabalu Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk Penambahbaikan Pengangkutan Awam untuk *Greater* Kota Kinabalu, telah menggariskan dua fasa pelaksanaan berikut:

- a. **Fasa Pertama** yang memberi fokus kepada penambahbaikan kepada sistem pengangkutan awam (bas) sedia ada. Komponen penting dalam fasa ini adalah pembinaan kemudahan infrastruktur pengangkutan awam seperti Terminal Bersepadu Selatan (Kepayan), Terminal Bersepadu Utara (Inanam), Terminal Bersepadu Timur (Penampang) dan Terminal Pusat (Wawasan).
- b. **Fasa Kedua** akan menggabungkan sistem pengangkutan awam (bas) dengan sistem pengangkutan awam berkapasiti tinggi seperti *Bus Rapid Transit* (BRT), TRAM, MONORAIL atau LRT.

Bagi fasa pertama, hanya Terminal Pusat (Wawasan) sedang dalam pembinaan, manakala Terminal-terminal lain masih di peringkat perancangan. Dengan adanya Terminal-terminal Bersepadu ini, penyusunan laluan dan jaringan jangkauan perkhidmatan bas yang lebih menyeluruh dapat dilaksanakan dan persaingan perkhidmatan pada laluan yang sama dapat dikurangkan.

Manakala bagi fasa kedua pula, pelaksanaan kemudahan pengangkutan *Bus Rapid Transit* (BRT) merupakan inisiatif utama.

BRT merupakan sistem pengangkutan bas moden yang menggunakan teknologi hijau iaitu bas menggunakan kuasa bateri dan *eco-friendly*, tiada pencemaran bunyi dan tiada buangan (*emission*). BRT juga menggunakan konsep *Intelligent Transport System* yang merangkumi komponen seperti CCTV, *Automated Fare Collection* dan *Fleet Tracking System*.

Pelaksanaan perkhidmatan BRT di Kota Kinabalu telah diumumkan dalam Ucapan Bajet 2016 dengan peruntukan sebanyak RM1.0 bilion. BRT akan dilaksanakan oleh Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) melalui kaedah *Public Private Partnership* (PPP).

Perkhidmatan BRT yang dijangka beroperasi pada tahun 2020 akan tertumpu di koridor laluan di antara empat Terminal Bas Bersepadu manakala perkhidmatan bas sedia ada akan menjadi *feeder bus* ke stesen-stesen BRT. Dengan adanya kemudahan pengangkutan BRT yang efisien, lebih selesa dengan jadual perjalanan yang teratur dan menepati masa, adalah dijangka perkhidmatan BRT ini akan memberi satu mod alternatif pengangkutan awam yang lebih menarik kepada pengguna jalan raya dan seterusnya mengurangkan kesesakan jalan di bandaraya Kota Kinabalu.

Sekian, terima kasih.

November 2016